

**Najib Terima Sambutan Luar Biasa Di Machang  
Bernama  
2 Mei, 2013**

MACHANG, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menerima sambutan luar biasa daripada lebih 20,000 masyarakat pelbagai lapisan di Machang, Kelantan.

Ketibaan Najib disambut dengan lagu semangat 'Inilah Barisan Kita' serta kibaran bendera dan rentangan 'I Love PM'.

Laungan 1Malaysia dan 'Kelantan Tukar' bergema di sini tanda sokongan padu rakyat terhadap Najib dan Barisan Nasional (BN).

Najib diiringi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussin serta calon-calon Barisan Nasional Datuk Ahmad Jazlan Yaakub (Parlimen Machang), Datuk Mohamad Fatmi Che Salleh (Parlimen Kota Bharu), Halim@Ab Halim Ismail (DUN Pulau Chondong), Azemi Mat Zin (DUN Temangan) dan Eriandi Ismail (DUN Kemuning).

Cuaca panas terik di Machang tidak menghalang orang ramai membanjiri padang SK Tok Bok untuk melihat lebih dekat dan beramah mesra dengan pemimpin nombor satu negara itu serta memberi penuh perhatian kepada amanat yang disampaikan Najib.

Perdana menteri juga meluangkan masa menikmati jamuan tengah hari bersama-sama rakyat.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946845>